

FKSW anjur bengkel kukuh penguasaan kendalikan penyelidikan

NSR 18-10-17 7

KOTA KINABALU: Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKWS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan bengkel bagi para pelajar pascasiswazah di Bilik Mesyuarat Utama (BMU), Blok Sains Sosial, kelmarin.

Bengkel yang diadakan bertujuan dalam memberi pendedahan tentang aspek kajian di peringkat pengajian ijazah dan ijazah kedoktoran khususnya bagi kajian bersifat sains sosial.

Seramai 30 orang pelajar pascasiswazah FKSW yang mendaftar telah menyertai bengkel yang berlangsung selama satu hari itu dan pengisian bengkel telah dilengkapi oleh perkongsian dari enam orang panel dan penceramah yang terdiri daripada pensyarah di FKSW.


Antara slot utama yang difokuskan bagi memberi gambaran tentang kajian dan

penyelidikan di peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran adalah slot sorotan literatur, slot kepentingan kajian kritikal dalam teori dan aplikasi teori dalam kajian.

Hanafi Jumrah yang merupakan salah seorang peserta bengkel yang merupakan pelajar sarjana bidang Komunikasi memberitahu bahawa pengajaran bengkel sedemikian perlu bagi meningkatkan kefahaman dan penguasaan para pelajar terhadap asas dalam menjalankan kajian dan penyelidikan.

"Bengkel sebegini sangat memberi manfaat khususnya bagi pelajar di peringkat pengajian sarjana dan ijazah kedoktoran yang memilih mod pengajian secara penyelidikan.

"Menjalankan penyelidikan adalah satu perkara yang amat memerlukan ilmu dan penguasaan teori serta aplikasi yang mencukupi bagi menjamin mutu kajian dan penye-




PERKONGSIAN ILMU...Dr. Haryati Abd. Karim memberikan perkongsian dan tips kepada para peserta yang hadir dalam bengkel tentang aplikasi teori dalam kajian di BMU, kelmarin.

lidikan yang dilakukan itu mampu memberi impak kepada masyarakat atau bidang ilmu yang difokuskan," katanya kepada New Sabah Times kelmarin.

Bengkel itu terdahulu telah dirasmikana oleh Dekan FKSW, Prof. Dr. Ismail Ibrahim.

Bengkel yang dianjurkan setiap semester itu memfokuskan kepada pelajar semester pertama yang baru mendaftar pengajian di tahap sarjana dan ijazah kedoktoran. - **OLEH: NOOR ZAFIRA SHAFIE**



PESERTA...Antara peserta yang menyertai bengkel adalah pelajar peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran yang baru mendaftar bagi sesi pengajian September 2017/2018.